

Jika ingin maju, mestilah cergas...

BUKIT MERTAJAM, Sabtu — Masyarakat Melayu Pulau Pinang digesa bertindak lebih cergas, agresif dan waspada jika ingin maju di lapangan perdagangan dan perusahan.

Menteri Tak Bertepotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, berkata: "Sifat lemah lembut dan tenang yang menjadi sifat lumrah kaum tani di negeri ini tidak sesuai untuk lapangan perdagangan dan perusahan yang sentiasa mencabar itu."

Berucap merasmikan seminar/dialog Pengusaha-pengusaha Bumiputera Seberang Perai di Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang di sini hari ini, beliau berkata, sifat petani jauh bedanya dengan sifat yang harus ada pada pedagang.

Menurut beliau, masyarakat Melayu Pulau Pinang yang kebanyakannya dari alam pertanian perlu mengubah sikap untuk menyesuaikan diri dengan alam perdagangan.

Sebagai pengusaha, katanya, kita memerlukan sikap yang lebih agresif, berani mengambil risiko dan sanggup menghadapi cabaran.

Datuk Abdullah Badawi, berkata dalam masyarakat pertanian, tidak ada persaingan sesama sendiri walaupun tinggal berdekatan.

"Tetapi, dalam masyarakat perdagangan, persaingan hebat sentiasa berlaku walaupun pusat niaga mereka berjauhan antara satu dengan lain," katanya.

Menteri itu mengesahkan sebilangan pengusaha Bumiputera yang menyalahkan orang lain bila gagal dalam perniagaan.

Bila perniagaan mereka tidak berjaya, katanya, timbul rungutan bantuan tidak cukup dan tempat tidak sesuai.

"Jarang sekali pengusaha Bumiputera yang menyalahkan diri sendiri," katanya.

"Walaupun ada kalanya tuduhan dan rungutan itu mungkin benar, tapi bukanlah setiap kegagalan kita berpunca dari orang lain," katanya lagi.

Oleh ABDULLAH ISMAIL

Menurut Datuk Abdullah Badawi, masyarakat Melayu sebenar telah memasuki alam perdagangan sejak 400 tahun dulu dan berjaya hingga menjadi pedagang antarabangsa yang dihormati.

Tetapi, kedatangan penajah telah memaksa orang Melayu ke dalam masyarakat pertanian dan nelayan, katanya.

"Kita tidak menyesal menjadi masyarakat petani dan nelayan. Cuma kita sekarang mahu memasuki masyarakat perdagangan dan mahu berjaya," tambah beliau.

Bellau menyeru orang Melayu yang mendapat kemudahan dari Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru supaya mengusahakan sendiri dan bukan berniaga dengan nama saja.

"Berniaga secara mudah itu bukan saja merugikan diri dan masyarakat Melayu sendiri, tetapi seolah-olah memperolok-olokkan dasar tersebut," tegasnya.

300 orang hadir di seminar/dialog dianjurkan bersama Pejabat Daerah Seberang Perai dan MIDF.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia